PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU KEDUA 2005

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Ekonomi global menunjukkan prestasi yang bertambah baik

Pertumbuhan global pada suku kedua kekal kukuh. Pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat China (RR China) kekal mapan manakala tanda-tanda pemulihan yang lebih kukuh kelihatan di kawasan euro dan Jepun.

Ekonomi **AS** berkembang 3.4% pada suku kedua. Perbelanjaan pengguna, pelaburan dan eksport yang kukuh menyokong pengembangan yang menyeluruh, sementara permintaan yang kukuh membolehkan inventori jatuh buat kali pertama semenjak suku kedua 2003. Kebanyakan penunjuk ekonomi, seperti keyakinan pengguna, penggunaan kapasiti dan kadar pengangguran, menunjuk ke arah aktiviti ekonomi yang mapan. Bagi membendung tekanan inflasi dalam keadaan pertumbuhan yang kukuh, Federal Reserve terus menaikkan kadar faedah polisi sebanyak 25 mata asas setiap kali pada 3 Mei, 30 Jun dan 9 Ogos untuk mencapai 3.5%. Di **Jepun**, permintaan dalam negeri menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Penggunaan yang kukuh, perbelanjaan modal dan pemulihan dalam eksport telah menyokong pertumbuhan 1.1% yang dicapai pada suku kedua. Di **kawasan euro**, pertumbuhan KDNK kekal mapan pada 1.2% memandangkan Itali dan Netherlands pulih semula daripada pertumbuhan negatif pada suku pertama. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran yang tinggi dan permintaan dalam negeri yang lembap masih lagi ketara. Sementara itu, ekonomi **United Kingdom** mencatat pengembangan suku tahunan sebanyak 1.7%, iaitu kadar paling rendah semenjak tahun 1993, dengan sektor perkilangan semakin lemah dan sektor perkhidmatan mencatat pengembangan yang lebih sederhana.

Negara-negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK benar

	2004		2005			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan pada S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	3.5[r]	3.9	3.8	3.4[a]	3.6[p]	Pengembangan yang menyeluruh disokong oleh kekukuhan dalam perbelanjaan pengguna, pelaburan dan eksport.
UK	3.7	3.6	2.1	1.7[p]	1.9[p]	Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan sementara pengeluaran industri terus menurun.
Kawasan euro	2.1	1.8	1.4	1.2[p]	1.3[p]	Pertumbuhan kekal mapan kerana pertumbuhan di Itali dan Netherlands meningkat semula selepas pertumbuhan negatif pada S1.
Jepun[1]	-0.6	2.3	5.4[r]	1.1[a]	3.1[p]	Pemulihan berterusan disebabkan oleh pengukuhan permintaan dalam negeri. Perbelanjaan modal dan penggunaan swasta yang kukuh menyokong pertumbuhan.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[r] Semak semula
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
Sumber: Pihak berkuasa negara

Harga minyak mentah global agak tidak menentu pada suku kedua. Setelah menurun ke paras di bawah USD50 setong pada bulan Mei, harga minyak mentah hadapan meningkat ke paras melebihi USD60 setong pada akhir bulan Jun. Selain keadaan cuaca yang kurang baik dan risiko geopolitik,

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK benar

	2004		2005			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan pada S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	9.6	9.7	9.4	9.6	9.5	Disokong oleh pelaburan dan eksport yang kukuh.
Indonesia	4.5	4.8	6.2	5.5	5.9	Didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang kukuh.
Singapura	12.3	10.1	2.8	5.2	4.0	Disumbang oleh pengembangan dalam sektor bioperubatan dan perkhidmatan.
Korea	5.5	5.4	2.7	3.3[a]	3.0[a]	Disokong oleh penggunaan swasta, pelaburan dan pembinaan.
China Taipei	7.9	7.3	2.5	3.0	2.8	Kelembapan eksport diimbangi oleh perbelanjaan dalam negeri yang lebih kukuh.

[a] Anggaran awal
Sumber: Pihak berkuasa negara

faktor asas seperti permintaan global yang kekal kukuh, terutamanya dari AS dan RR China serta lebihan pengeluaran dan kapasiti penapisan yang terhad terus menyokong harga minyak yang tinggi. Harga minyak mentah hadapan mencecah paras tinggi yang baru iaitu USD67.10 setong pada 12 Ogos.

Di rantau **Asia**, pertumbuhan meningkat pada suku kedua, disokong oleh beberapa perkembangan positif, termasuk pemulihan dalam sektor bioperubatan di Singapura, peningkatan permintaan dalam negeri di Korea, penggunaan dalam negeri yang kukuh di China Taipei dan pertumbuhan kukuh yang berterusan di RR China.

Di kebanyakan negara serantau, tekanan inflasi telah bertambah disebabkan kesan sampingan (pass-through) harga minyak yang lebih tinggi. Ini berikutan penghapusan subsidi minyak secara sepenuhnya atau sebahagian sahaja oleh beberapa negara termasuk Indonesia, Thailand dan Malaysia. Thailand, China Taipei, Indonesia, Filipina dan India menaikkan kadar faedah pada suku kedua untuk mengawal tekanan inflasi. Selain itu, harga minyak yang lebih tinggi dan eksport yang lebih lemah telah menyebabkan Thailand, China Taipei dan Korea menurunkan unjuran KDNK mereka bagi tahun 2005.

Dalam **pasaran mata wang**, dolar AS terus mencatat pengukuhan yang menyeluruh berbanding dengan mata wang utama yang lain, dengan dolar AS mencecah nilai tertingginya dalam sembilan bulan berbanding dengan yen dan paun pada akhir bulan Jun. Faktor yang menyokong kekukuhan dolar AS ialah perbezaan kadar hasil yang berpihak pada dolar AS dan penunjuk ekonomi AS yang secara relatif lebih baik berbanding dengan negara perindustrian utama yang lain.

Pada 21 Julai 2005, RR China mengumumkan perubahan rejim pertukaran mata wangnya dengan menggunakan sistem apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang yang terpilih. Kadar pertukaran RMB berbanding dengan USD telah diubah kepada 8.11 yuan bagi 1 USD (kadar sebelumnya: 8.28 yuan bagi 1USD). Harga dagangan harian USD berbanding dengan RMB dalam pasaran mata wang asing antara bank dibenarkan bergerak dalam julat 0.3%, sama ada menokok atau menurun, berdasarkan kadar *central parity* yang diterbitkan oleh People's Bank of China (PBoC). Harga dagangan mata wang asing bukan-dolar AS yang lain berbanding dengan RMB akan dibenarkan bergerak dalam julat yang tertentu, yang diumumkan oleh PBoC.

Melangkah ke hadapan, manakala harga minyak yang tinggi dan tekanan inflasi yang

semakin meningkat adalah membimbangkan, momentum permintaan global dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini ekoran daripada penunjuk yang lebih menggalakkan dari AS, dan sejak kebelakangan ini, penunjuk yang menggalakkan dari kawasan euro dan Jepun. Prospek juga disokong oleh jangkaan bertambah baik dalam sektor elektronik global pada bahagian akhir tahun ini.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sektor perkhidmatan terus mencatat pertumbuhan yang kukuh ...

Ekonomi Malaysia berkembang 4.1% pada suku kedua 2005 (S1 2005: 5.8%), didorong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan, iaitu menyumbang sebanyak 3.1 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK, hasil daripada perbelanjaan penggunaan, perjalanan dan aktiviti perniagaan yang kukuh. Sementara itu, sektor perkilangan berkembang pada kadar yang lebih sederhana, disokong oleh pertumbuhan dalam industri berasaskan sumber yang terpilih dan peningkatan dalam industri elektronik. Prestasi sektor komoditi utama pula bercampur-campur, dengan pertumbuhan sektor pertanian yang berterusan. Sebaliknya, sektor perlombongan mencatat kemerosotan ekoran penguncupan dalam pengeluaran minyak mentah.

Pertumbuhan dalam **sektor perkhidmatan** kekal mapan dan berkembang sebanyak 5.4% pada suku kedua, disokong oleh segmen-segmen perkhidmatan pengantara dan perkhidmatan akhir yang masing-masing berkembang sebanyak 5.1% dan 5.6%. Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; dan elektrik, gas dan air yang mencakupi kira-kira satu perempat daripada KDNK, terus berkembang pesat selaras dengan pengembangan dalam

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	3.7	3.8	6.0	3.2	4.5
Perlombongan	0.8	3.3	3.4	-1.6	0.9
Perkilangan	11.9	12.2	5.7	3.2	4.4
Pembinaan	-1.5	-0.4	-2.4	-2.0	-2.2
Perkhidmatan	8.1	7.3	6.2	5.4	5.8
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**8.4**	**8.1**	**5.8**	**4.1**	4.9
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**4.5**	**0.3**	**-3.2**	**2.7**	-0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2004			2005		
	% bahagian	S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**41.5**	**7.9**	**7.7**	**6.9**	**5.1**	**6.0**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	15.2	9.1	8.5	10.4	5.9	8.1
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	26.3	7.2	7.2	4.8	4.7	4.8
Perkhidmatan Akhir	**58.5**	**8.3**	**7.0**	**5.8**	**5.6**	**5.7**
Elektrik, gas & air	7.2	8.6	8.7	5.9	6.0	5.9
Perniagaan borong & runcit, hotel dan restoran	24.9	10.4	7.8	7.7	7.1	7.4
Perkhidmatan Kerajaan	12.8	6.0	5.9	3.2	3.1	3.2
Perkhidmatan lain	13.6	6.5	5.7	4.7	4.8	4.8
Jumlah Perkhidmatan	**100**	**8.1**	**7.3**	**6.2**	**5.4**	**5.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2004			2005	
	S2	S3	S4	S1	S2
	Perubahan tahunan (%)				
Kadar penginapan hotel (%)	58.4	65.6	62.7	60.7	61.5
Ketibaan pelancong	127.4	51.5	15.4	4.6	2.5
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	44.6	15.2	11.2	6.6	5.5
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	13.3	14.7	16.4	17.4	17.8
Pinjaman terkumpul bagi perniagaan borong & runcit, restoran & hotel	6.7	9.5	11.0	12.7	12.6
Import barangan penggunaan	28.0	38.8	16.4	10.7	4.1
Jumlah jualan kenderaan baru	24.5	22.3	29.8	21.8	8.1
Kadar penembusan telefon selular (%)	48.5	50.8	56.5	60.9	63.3
Trafik SMS	45.2	53.0	77.8	70.6	91.0
Kargo yang dikendali (Kesemua lapangan terbang)	11.3	13.7	10.2	5.3	5.3
Kargo kontena yang dikendali (Port Klang dan PTP)	17.8	8.8	3.6	4.7	2.1
Hasil kargo (Kereta api)	-0.4	19.9	12.2	7.7	4.2

Sumber: Pelbagai sumber

aktiviti perniagaan dan permintaan pengguna yang kukuh. Aktiviti pengangkutan dan hospitaliti telah dipertingkatkan oleh bilangan ketibaan pelancong yang bertambah, terutamanya dari Korea, India dan Singapura. Ketibaan pelancong asing meningkat 2.5% pada suku kedua (S1 2005: 4.6%). Tambahan pula, industri telekomunikasi terus berkembang kukuh, diterajui oleh segmen mudah alih berikutan pengenalan pakej-pakej menarik yang telah menambah bilangan pelanggan serta penggunaan ciri baru data mudah alih. Suku kedua juga menyaksikan pelancaran perkhidmatan telefon mudah alih generasi ketiga (3G) negara di kawasan terpilih di rantau barat Semenanjung Malaysia. Teknologi 3G menawarkan perkhidmatan nilai ditambah yang tinggi seperti transmisi maklumat yang lebih cepat melalui teks, suara digital, mel video dan multimedia.

Sementara itu, subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat sebanyak 4.7% pada suku kedua. Subsektor ini telah disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman bank yang berterusan dan diperkukuh lagi oleh aktiviti insurans yang pesat, terutamanya dalam segmen insurans hayat. Pertumbuhan dalam subsektor elektrik, gas dan air kekal kukuh pada 6% (S1 2005: 5.9%), mencerminkan peningkatan dalam permintaan terhadap elektrik daripada kesemua kategori pengguna, iaitu pengguna industri, komersial dan isi rumah.

Pertumbuhan yang sederhana dalam sektor perkilangan …

Nilai ditambah **sektor perkilangan** berkembang sebanyak 3.2% pada suku kedua 2005 (S1 2005: 5.7%). Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** meningkat 4.1% (S1 2005: 5.4%), disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam industri berasaskan sumber dan peningkatan dalam industri keluaran elektrik dan elektronik (1.1%; S1 2005: -1.2%). Pada suku tersebut, pertumbuhan industri berasaskan sumber, seperti keluaran kimia dan industri pemprosesan luar estet masing-masing kekal pada 10.6% dan 18.9% (S1 2005: masing-masing 16% dan 24.6%). Pengembangan dalam industri barangan kimia didorong oleh pengeluaran barangan plastik yang lebih tinggi hasil permintaan yang kukuh dari negara serantau. Industri pemprosesan luar estet

memperoleh manfaat daripada pengeluaran minyak sawit mentah yang kukuh pada suku tersebut. Sementara itu, pengeluaran barangan getah merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.1% (S1 2005: 10.9%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran tayar yang lebih rendah akibat kesulitan mendapatkan komponen.

Industri berorientasikan pasaran dalam negeri mencatat kemerosotan pengeluaran (-1.3%; S1 2005: 6.4%). Pertumbuhan yang kukuh dalam industri kelengkapan pengangkutan dan industri minuman (masing-masing 9.7% dan 21.1%) telah diimbangi oleh penguncupan dalam pengeluaran industri keluaran logam direka dan industri yang berkaitan dengan sektor pembinaan (masing-masing -12.5% dan –5.2%). Keluaran galian bukan logam, keluaran asas logam dan keluaran logam yang direka terjejas akibat prestasi sektor pembinaan yang lembap. Sementara itu, industri kelengkapan pengangkutan kekal kukuh kerana mendapat manfaat daripada jualan kereta penumpang yang meningkat, yang didorong oleh kadar faedah yang rendah dan pelancaran model kereta baru pada tahun ini.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (harga malar)	**11.9**	**12.2**	**5.7**	**3.2**	**4.4**
Pengeluaran Keseluruhan	**15.7**	**16.1**	**5.6**	**2.9**	**4.2**
Industri berorientasikan eksport	**18.2**	**18.7**	**5.4**	**4.1**	**4.7**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	23.9	24.5	-1.2	1.1	0.0
Elektronik	33.0	33.6	-0.1	3.2	1.6
Barangan Elektrik	-7.7	-7.3	-7.1	-9.2	-8.2
Tekstil & pakaian	-7.8	-9.3	-4.4	-5.6	-5.0
Bahan kimia dan keluaran kimia	18.2	17.6	16.0	10.6	13.3
Pemprosesan luar estet	-5.9	-1.8	24.6	18.9	21.6
Keluaran getah	21.2	22.6	10.9	-0.1	5.3
Kayu dan keluaran kayu[1]	20.9	17.5	-3.4	-6.5	-5.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**7.5**	**7.5**	**6.4**	**-1.3**	**2.5**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	10.0	5.3	13.5	9.7	11.5
Keluaran logam yang direka	23.9	29.1	15.9	-12.5	0.8
Besi & keluli dan logam bukan ferum	9.0	7.6	-3.6	-6.3	-5.0
Keluaran galian bukan logam	-8.6	-5.1	-3.6	-4.1	-3.8
Keluaran petroleum	-5.1	-3.5	10.4	5.8	8.1
Makanan	7.6	7.5	2.3	6.2	4.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**20.7**	**19.1**	**12.0**	**9.2**	**10.6**
Antaranya:					
Keluaran elektrik dan elektronik	18.1	16.7	9.9	8.7	9.3
Separa konduktor	7.1	5.9	6.4	-3.3	1.3
Komponen elektronik	22.9	21.1	9.7	21.6	15.9
Barangan elektrik	28.7	27.6	15.3	6.3	10.5
Keluaran kayu	32.3	30.4	16.8	4.5	10.4
Barangan perabot	15.3	15.2	10.3	11.9	11.1
Keluaran getah	21.6	20.8	11.9	9.4	10.6
Peralatan optikal & saintifik	33.5	22.8	22.9	-4.3	7.5
Bahan kimia dan keluaran kimia	28.1	27.1	20.7	3.1	11.4
Keluaran petroleum	26.0	22.7	18.0	44.6	30.3

[1] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar **penggunaan kapasiti secara keseluruhan** kekal pada tahap 75% pada suku kedua 2005 (S1 2005: 75%). Kadar penggunaan kapasiti industri berorientasikan eksport meningkat kepada 78% (S1 2005: 75%), manakala industri berorientasikan pasaran dalam negeri beroperasi pada 72% (S1 2005: 74%).

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi sektor komoditi bercampur-campur ...

Sektor pertanian mencatat pertumbuhan 3.2% pada suku kedua 2005 (S1 2005: 6%). Pengeluaran minyak sawit mentah terus berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 14.5% (S1 2005: 27.5%) kepada 3.75 juta tan, iaitu paras suku tahunan tertinggi yang pernah dicatat. Prestasi yang kukuh ini disokong oleh pertumbuhan produktiviti, iaitu dari segi tandan buah segar (FFB) yang meningkat kepada 4.68 tan sehektar (S1 2005: 4.35 tan sehektar) dan juga dari segi kadar perahan minyak (OER) yang meningkat kepada 20.04% (S2 2004: 19.99%). Hasil yang lebih kukuh ini dicatat terutamanya di Sabah (menghasilkan hampir 30% daripada jumlah keluaran minyak sawit Malaysia), disebabkan kawasan ini mempunyai peratusan pokok yang lebih tinggi yang berada dalam tempoh pengeluaran puncak. Oleh itu, pengeluaran purata bulanan minyak sawit mentah pada suku tersebut meningkat dengan nyata kepada 1.25 juta tan (S2 2004: 1.09 juta tan). Sebaliknya, pengeluaran getah merosot untuk suku kedua berturut-turut sebanyak 6.7% akibat cuaca kering yang menyebabkan hasil susu getah yang lebih rendah. Cuaca kering juga telah menyebabkan masalah pengairan di kawasan pengeluaran padi, dan dengan itu menyebabkan kemerosotan yang nyata dalam pengeluaran padi pada suku tersebut.

Sementara itu, **sektor perlombongan** terjejas akibat pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) yang lebih rendah, iaitu merosot sebanyak 9.2% kepada 670,523 tong sehari. Kemerosotan ini disebabkan oleh penutupan beberapa medan dan loji minyak untuk tujuan penyelenggaraan. Harga minyak mentah terus tidak menentu pada suku berkenaan, justeru menunjukkan keadaan keseimbangan yang sepadan antara penawaran dengan permintaan, dan kapasiti lebihan pengeluaran yang ketat di kalangan

Prestasi Sektor Pertanian

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**3.7**	**3.8**	**6.0**	**3.2**	**4.5**
Pengeluaran[1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	-5.8	-2.3	27.5	14.5	20.3
Minyak isirong sawit mentah	-10.9	-4.4	27.2	25.1	26.1
Getah	29.8	23.9	-9.2	-6.7	-8.1
Kayu balak	4.4	-3.8	-2.2	-15.8	-10.2
Biji koko	-8.5	-22.5	-11.9	-29.9	-21.2
Eksport (RM juta)	**12.0**	**12.9**	**6.2**	**5.3**	**5.7**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	-12.1	-4.4	13.9	29.0	21.6
(RM/tan)	16.9	11.9	-15.7	-21.1	-18.6
(RM juta)	2.8	7.0	-4.0	1.8	-1.0
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	26.1	30.2	14.5	8.9	11.5
(RM/tan)	60.7	45.0	8.3	-2.1	2.3
(RM juta)	102.6	88.9	24.1	6.6	14.1
Getah					
('000 tan)	12.0	17.6	-0.8	5.3	2.2
(sen/kilogram)	36.0	36.2	-2.2	-3.2	-2.6
(RM juta)	52.3	60.1	-2.9	2.0	-0.5
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	15.6	11.0	47.8	10.4	27.3
(RM/meter padu)	-17.8	-15.3	-10.3	17.5	3.0
(RM juta)	-4.9	-6.0	32.6	29.7	31.1
Kayu balak					
('000 meter padu)	-11.5	-12.4	42.2	15.4	26.9
(RM/meter padu)	20.2	11.7	4.4	-5.1	-1.4
(RM juta)	6.4	-2.1	48.4	9.5	25.1
Biji koko					
('000 tan)	-8.3	-42.3	183.4	-15.8	25.8
(RM/tan)	-12.9	-14.0	0.7	-6.9	-6.1
(RM juta)	-20.1	-50.4	185.3	-21.6	18.1

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**0.8**	**3.3**	**3.4**	**-1.6**	**0.9**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-0.2	3.8	-5.2	-9.2	-7.2
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	4.0	3.1	19.8	12.1	16.0
Eksport (RM juta)	**43.9**	**28.3**	**34.8**	**31.5**	**33.1**
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	4.4	4.3	-1.1	-5.3	-3.2
(USD/tong)	33.6	17.7	36.0	43.4	39.6
(RM juta)	39.5	22.7	34.5	35.7	35.1
Gas asli cecair					
('000 tan)	34.1	25.5	17.6	2.5	10.2
(RM/tan)	1.5	-0.5	12.8	14.0	13.3
(RM juta)	36.0	24.8	32.7	16.8	24.9

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

negara pengeluar minyak. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kekangan penapisan di negara-negara pengguna minyak utama yang mendorong kenaikan harga *Tapis Blend*. *Tapis Blend*, yang mampu meraih harga yang lebih tinggi kerana mutunya yang lebih tinggi, mencecah paras USD60 pada awal bulan April, sebelum menjadi stabil antara USD55 - 58 setong bagi bulan-bulan berikutnya pada suku tersebut.

Sementara itu, pengeluaran gas asli terus meningkat pada kadar dua angka sebanyak 12.1% kepada 5,657 juta kaki padu standard sehari (S1 2005: 19.8%). Pengeluaran yang lebih tinggi ini didorong terutamanya oleh peningkatan penggunaan kapasiti di loji Malaysian Liquefied Natural Gas di Sarawak dan Loji Pemprosesan Gas di Semenanjung Malaysia, didorong oleh permintaan yang lebih tinggi dari negara-negara pengimport LNG (Jepun dan China Taipei).

Penguncupan dalam aktiviti pembinaan ...

Sektor pembinaan menguncup 2% (S1 2005: -2.4%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang lebih rendah. Aktiviti dalam segmen kediaman dan bukan kediaman terus berkembang, disokong oleh permintaan terhadap rumah kediaman dan ruang pejabat. Khususnya, minat baru terhadap ruang pejabat yang menggalakkan dicerminkan oleh peningkatan kadar penghunian dan penawaran ruang pejabat yang sedang disiapkan di Lembah Kelang. Meskipun wujud konsolidasi subsektor kejuruteraan awam, syarikat pembinaan Malaysia terus membida projek luar negeri untuk mempelbagaikan asas perolehan pendapatan mereka. Usaha mereka telah menunjukkan hasil yang positif dengan kejayaan kontraktor Malaysia memperoleh beberapa projek infrastruktur di India dan Timur Tengah.

Penunjuk Pembinaan

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	0.7	18.9	2.3	10.1	6.2
Kelulusan perumahan	-14.9	8.5	11.2	-26.9	-7.8
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	-0.8	0.7	-3.6	-5.2	-4.4
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	31.2	-6.4	47.6	-14.5	8.7
Import bahan pembinaan dan bahan galian	56.8	37.1	6.1	-7.3[1]	0.1[2]

[1] *Apr.-Mei 2005*
[2] *Jan.-Mei 2005*

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	8.8	8.2	5.9	5.6	5.8
Penggunaan	11.3	10.4	7.6	5.1	6.3
Sektor swasta	*11.9*	*10.4*	*10.1*	*7.4*	*8.7*
Sektor awam	*9.4*	*10.5*	*-2.3*	*-2.4*	*-2.4*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.5	3.5	2.0	6.7	4.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	20.4	18.4	9.5	7.9	8.6
Import Barangan dan Perkhidmatan	25.8	23.5	7.6	6.9	7.3
KDNK	**8.4**	**8.1**	**5.8**	**4.1**	**4.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan sektor swasta kekal kukuh

Permintaan dalam negeri meningkat 5.6% pada suku kedua 2005. Sektor swasta terus menjadi pendorong utama pertumbuhan, manakala terdapat kemajuan yang berterusan dalam program konsolidasi fiskal Kerajaan.

Penggunaan swasta terus meningkat dengan kukuh pada suku kedua dan mengembang sebanyak 7.4% (S1 2005: 10.1%). Pendapatan dan pasaran pekerjaan yang stabil dalam keadaan kadar tabungan yang tinggi dan pasaran kredit yang kompetitif menghasilkan perbelanjaan pengguna yang kekal kukuh. Hasil kaji selidik mengenai sentimen pengguna oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menunjukkan pengguna masih optimistik walaupun terdapat sedikit kebimbangan mengenai kenaikan harga. Indeks Sentimen Pengguna MIER masih melebihi paras ambang 100 mata pada 109.8 mata (S1 2005: 120.9 mata), menunjukkan pengembangan berterusan penggunaan isi rumah. Penunjuk penggunaan utama lain seperti kelulusan dan pengeluaran pinjaman untuk kredit penggunaan dan perniagaan berorientasikan pengguna, transaksi kad kredit serta import barangan penggunaan, juga menyokong trend dalam penggunaan swasta yang positif.

Sementara itu, **penggunaan awam** menurun pada suku tersebut (-2.4%; S1 2005: -2.3%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pertahanan yang lebih rendah.

Pembentukan modal tetap kasar semakin kukuh pada suku kedua kepada 6.7%(S1 2005: 2%) walaupun aktiviti pelaburan Kerajaan Persekutuan terus menurun. Penunjuk pelaburan memperlihatkan perbelanjaan modal swasta meningkat dengan ketara pada suku tersebut. Indeks Keadaan Perniagaan MIER meningkat kepada 106 mata (S1 2005: 104.1 mata). Penunjuk utama lain terutamanya import barangan modal, jualan kenderaan komersil dan pengeluaran pinjaman untuk perniagaan juga mencerminkan aktiviti pelaburan yang lebih kukuh pada suku kedua.

Keyakinan pengguna dan perniagaan kekal optimistik



Faktor kos menyebabkan kenaikan inflasi

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP), meningkat kepada 3% (S1 2005: 2.4%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan dan pengangkutan. Harga makanan meningkat disebabkan oleh kenaikan harga bagi makanan di rumah dan makanan di luar rumah. Kenaikan harga pengangkutan pula berpunca terutamanya daripada kenaikan tambang bas dan teksi serta kenaikan harga runcit bagi produk petroleum yang berkuat kuasa pada bulan Mei.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan 6.2% (S1 2005: 5.1%) didorong oleh kenaikan harga minyak mentah yang lebih daripada mengimbangi penurunan harga getah dan minyak sawit mentah. Tidak termasuk komoditi, IHPR stabil pada 2.2% pada suku kedua (S1 2005: 2.5%).

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik

Keadaan **pasaran pekerja** pada suku kedua terus bertambah baik. Kekosongan

Keadaan Pasaran Pekerja Bertambah Baik



jawatan yang dilaporkan kepada pihak berkuasa meningkat (28,715 jawatan; S1 2005: 15,369 jawatan), manakala pemberhentian pekerja adalah lebih rendah (2,570 orang; S1 2005: 4,709 orang). Bilangan pencari kerja yang berdaftar meningkat kepada 82,708 orang pada akhir bulan Jun 2005 (33,740 orang pada akhir bulan Mac 2005). Namun, meskipun bilangan tersebut mencatat jumlah tertinggi, data tersebut tidak sepadan dengan siri data sebelum ini. Berkuat kuasa pada bulan Mei 2005, tempoh pendaftaran bagi pencari kerja yang dianggap aktif mencari kerja telah dipanjangkan kepada enam bulan (tiga bulan sebelum ini).

Pertumbuhan produktiviti pekerja pada suku kedua 2005, seperti yang diukur oleh nilai jualan benar barangan bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan, meningkat 10.2%, Upah benar bagi seorang pekerja merosot sebanyak 0.4%.

Eksport dan import terus berkembang

Akaun perdagangan mencatat lebihan yang besar sebanyak RM22.9 bilion (S1 2005: RM25 bilion). Eksport dan import

Imbangan perdagangan



kasar terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana, iaitu masing-masing sebanyak 10.8% dan 8%.

Eksport kasar meningkat 10.8% pada suku kedua 2005 (S1 2005: 13.7%) disokong terutamanya oleh pertumbuhan eksport mineral yang memberangsangkan (31.5%), dan diperkukuh lagi oleh pengembangan dalam barangan perkilangan (9.2%) dan komoditi pertanian (5.3%). Eksport **barangan perkilangan** berkembang 9.2% (S1 2005: 12%), mencerminkan peningkatan eksport keluaran elektronik dan elektrik (E&E) sebanyak 8.7% (S1 2005: 9.9%). Walaupun permintaan luar negeri terhadap separa konduktor masih lembap, eksport barangan komputer peribadi dan komputer riba pula bertambah baik. Yang nyata, eksport keluaran berasaskan sumber kekal kukuh dipacu terutamanya oleh eksport keluaran petroleum, perabot dan keluaran getah. Meskipun kos bahan mentah meningkat, eksport keluaran getah terus berkembang 9.4% (S1 2005: 11.9%), mencerminkan permintaan global yang kukuh terhadap sarung tangan getah asli yang berkualiti tinggi. Secara keseluruhan, peningkatan dalam eksport barangan perkilangan pada suku tersebut disebabkan oleh peningkatan harga (3%) dan jumlah (6.1%).

Trend **eksport mineral** terus kukuh seperti pada suku-suku sebelumnya, iaitu berkembang 31.5% pada suku tersebut. Sebagai negara pengeksport bersih minyak mentah, Malaysia memperoleh manfaat daripada trend peningkatan harga minyak mentah kerana minyak mentah Malaysia bergred premium *light and sweet* dan seterusnya memperoleh harga yang lebih tinggi berbanding dengan minyak bergred *heavy and sour*. Sejajar dengan perkembangan tersebut, harga eksport minyak mentah Malaysia menjadi kukuh dengan nyata pada suku kedua dengan peningkatan 43.4% kepada purata USD54.28 setong. Walau bagaimanapun, jumlah eksport merosot pada suku tersebut (-5.3%), sejajar dengan penguncupan pengeluaran minyak mentah pada suku tersebut. Eksport gas asli cecair (LNG) meningkat 16.8%, disokong oleh harga (14%) dan jumlah eksport (2.5%) yang lebih tinggi. Harga LNG mencatat paras bulanan tertinggi sebanyak RM918 setan pada bulan Jun 2005. Permintaan LNG yang lebih tinggi adalah paling ketara dari pembeli utama LNG Malaysia, iaitu China Taipei (46.6%) dan Jepun (5.6%).

Eksport pertanian meningkat 5.3% (S1 2005: 6.2%), disokong oleh peningkatan hasil eksport kayu siap digergaji, kayu balak dan minyak isirong sawit. Sementara itu, hasil daripada minyak sawit yang merupakan eksport terbesar bagi sektor ini meningkat, walaupun sedikit, iaitu sebanyak 1.8% pada

suku tersebut disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah (merosot sebanyak 21.1% kepada RM1,449 setan), daripada tahap yang sangat tinggi pada tempoh yang sama pada tahun 2004 (RM1,835 setan). Namun demikian, jumlah eksport kekal teguh dan meningkat 29%, disebabkan oleh pembelian yang kukuh oleh Kesatuan Eropah (64.8%), untuk tujuan pengeluaran biodiesel. Di samping itu, eksport minyak sawit ke RR China meningkat 32.1%, berikutan paras belian bulanan tertinggi pada bulan Mei (357,200 tan), sementara eksport ke India melonjak dengan nyata sebanyak 49.5%, selepas merosot selama enam suku berturut-turut. Kenaikan dalam pembelian tersebut disebabkan oleh hasil tuaian biji rap tempatan yang lebih rendah daripada jangkaan.

Perdagangan Malaysia dengan negara-negara serantau (tidak termasuk Jepun) meningkat 11.8%, dengan bahagian eksport kekal pada 44.3%. Pertumbuhan tersebut disebabkan terutamanya oleh eksport ke Singapura, Thailand, Indonesia, Hong Kong China dan Korea. Eksport utama yang mencatat peningkatan ialah keluaran E&E, keluaran logam, keluaran petroleum yang ditapis dan keluaran getah. Peningkatan dalam mendapatkan komponen dari negara serantau telah menyebabkan pertumbuhan import dari negara-negara ini mengatasi pertumbuhan eksport. Oleh itu, lebihan perdagangan dengan negara serantau menguncup kepada RM6.1 bilion (S1 2005: RM8.6 bilion). Import utama dari negara serantau termasuk jentera, alat-alat ganti dan perkakas, bahan kimia, pembuatan logam dan plastik.

Akaun Perdagangan

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport kasar	**22.3**	**20.0**	**13.7**	**10.8**	**12.2**
Perkilangan	*20.7*	*19.1*	*12.0*	*9.2*	*10.6*
Pertanian	*12.0*	*12.9*	*6.2*	*5.3*	*5.7*
Mineral	*43.9*	*28.3*	*34.8*	*31.5*	*33.1*
Import kasar	**32.6**	**28.2**	**10.1**	**8.0**	**9.0**
Barangan modal	*37.0*	*34.0*	*0.7*	*17.0*	*9.2*
Barangan pengantara	*29.9*	*25.6*	*10.6*	*5.8*	*8.0*
Barangan penggunaan	*28.0*	*21.5*	*10.7*	*4.1*	*7.2*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**18.1**	**37.3**	**25.0**	**22.9**	**47.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport ke Amerika Syarikat (AS) pada suku kedua meningkat dengan kukuh mencerminkan terutamanya permintaan yang lebih tinggi terhadap keluaran E&E, khususnya komputer dan komputer riba. Pertumbuhan eksport ke Australia bertambah kukuh sebanyak 17.1% (S1 2005: 16.6%) disebabkan oleh keluaran berasaskan sumber.

Peningkatan dalam **import kasar** sebanyak 8% mencerminkan pengembangan dalam aktiviti pelaburan swasta dan permintaan terhadap input pengeluaran eksport barangan perkilangan serta penggunaan dalam negeri. Import **barangan pengantara** yang merupakan input kepada barangan perkilangan berkembang 5.8%. Pertumbuhan dalam import barangan pengantara disokong terutamanya oleh peningkatan import bahan utama yang digunakan dalam industri makanan dan minuman, elektronik dan bekalan perindustrian, khususnya keluaran logam dan kimia. Sejajar dengan pertumbuhan dalam industri pemasangan kenderaan bermotor, import alat

Malaysia: Destinasi eksport

	2004		2005			2004		2005			2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion					Bahagian daripada jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**22.8**	**42.0**	**21.6**	**27.0**	**48.6**	**19.3**	**18.6**	**17.6**	**20.6**	**19.2**	**15.6**	**13.9**	**12.2**	**18.4**	**15.6**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**14.6**	**28.5**	**14.6**	**15.0**	**29.6**	**12.4**	**12.6**	**11.9**	**11.5**	**11.7**	**18.4**	**18.2**	**5.3**	**2.6**	**4.0**
Negara ASEAN terpilih[2]	**28.9**	**55.8**	**32.6**	**33.8**	**66.3**	**24.5**	**24.7**	**26.6**	**25.8**	**26.2**	**21.5**	**19.5**	**20.9**	**16.9**	**18.8**
Negara Timur Laut Asia	**23.1**	**45.0**	**23.5**	**24.1**	**47.6**	**19.6**	**19.9**	**19.2**	**18.4**	**18.8**	**26.9**	**25.2**	**7.3**	**4.2**	**5.7**
Republik Rakyat China	*8.1*	*15.3*	*8.0*	*8.3*	*16.2*	*6.8*	*6.8*	*6.5*	*6.3*	*6.4*	*30.2*	*33.0*	*10.8*	*2.4*	*6.4*
Hong Kong China	*7.5*	*14.0*	*7.1*	*7.9*	*15.0*	*6.4*	*6.2*	*5.8*	*6.1*	*5.9*	*25.3*	*17.0*	*9.7*	*5.2*	*7.3*
China Taipei	*3.8*	*7.4*	*3.1*	*3.8*	*6.8*	*3.3*	*3.3*	*2.5*	*2.9*	*2.7*	*11.2*	*8.9*	*-14.4*	*-1.4*	*-7.7*
Korea	*3.7*	*8.4*	*5.4*	*4.1*	*9.5*	*3.1*	*3.7*	*4.4*	*3.2*	*3.8*	*43.4*	*45.8*	*14.9*	*11.8*	*13.6*
India	**2.7**	**5.4**	**3.7**	**3.3**	**6.9**	**2.3**	**2.4**	**3.0**	**2.5**	**2.7**	**10.5**	**15.9**	**37.0**	**19.0**	**27.9**
Jumlah eksport	**118.0**	**225.8**	**122.6**	**130.7**	**253.3**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**22.3**	**20.0**	**13.7**	**10.8**	**12.2**

[1] Termasuk 10 negara anggota baru

[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Viet Nam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kelengkapan pengangkutan serta alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor terus berkembang. Harga minyak yang lebih tinggi turut menyumbang kepada pertumbuhan dalam import bahan api dan pelincir.

Import **barangan modal** berkembang 17%. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy* meningkat 5.9%. Peningkatan dalam import untuk pengembangan kapasiti dan peningkatan teknologi berlaku dalam sektor perkhidmatan, dan ini terbukti oleh pertumbuhan yang kukuh dalam import alat kelengkapan pejabat dan alat penjana, turbin dan motor elektrik. Import alat kelengkapan pejabat bertambah kukuh disebabkan

Pertumbuhan import



Malaysia: Import mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**37.0**	**34.0**	**0.7**	**17.0**	**9.2**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	34.4	27.4	7.3	9.5	8.5
Alat kelengkapan pengangkutan	106.4	174.1	-43.0	147.2	15.8
BARANGAN PENGANTARA	**29.9**	**25.6**	**10.6**	**5.8**	**8.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	111.1	66.2	-7.9	-12.5	-10.4
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	49.1	37.4	16.0	7.5	11.3
Bahan api dan pelincir	23.1	11.3	95.7	41.6	63.9
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	18.1	19.4	0.1	-0.7	-0.3
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	47.8	31.8	40.9	56.4	49.0
BARANGAN PENGGUNAAN	**28.0**	**21.5**	**10.7**	**4.1**	**7.2**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	37.8	28.2	9.5	2.7	6.0
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	16.1	-10.8	-16.2	-20.4	-18.5
Barangan pengguna, t.s.t.l.	22.9	18.5	12.2	5.7	8.7
Barangan tahan lama	*19.1*	*15.5*	*11.3*	*20.3*	*16.0*
Barangan separa tahan lama	*24.1*	*20.2*	*3.4*	*-3.9*	*-0.6*
Barangan tidak tahan lama	*23.9*	*18.7*	*19.2*	*5.9*	*11.9*
BARANGAN DUA GUNA	**34.8**	**31.4**	**17.0**	**38.3**	**27.9**
LAIN-LAIN	**6.6**	**7.0**	**-6.0**	**1.5**	**-2.2**
IMPORT TERTANGGUH	**30.3**	**26.2**	**9.0**	**7.9**	**8.4**
EKSPORT SEMULA	**117.3**	**103.6**	**35.3**	**9.3**	**21.2**
IMPORT KASAR	**32.6**	**28.2**	**10.1**	**8.0**	**9.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

syarikat-syarikat dalam industri perkhidmatan memajukan penghantaran perkhidmatan mereka dengan meningkatkan infrastruktur dalam teknologi maklumat. Permintaan luaran yang kukuh terhadap komoditi dan pertambahan dalam bilangan kapal dan pesawat udara untuk memberi perkhidmatan di pasaran baru turut menyumbang kepada peningkatan import pesawat udara dan kapal. Pertumbuhan dalam import **barangan penggunaan** sebanyak 4.1% mencerminkan terutamanya pertumbuhan dalam import makanan dan minuman yang diproses untuk penggunaan sektor isi rumah dan barangan pengguna.

Pertumbuhan dalam ketibaan pelancong berterusan

Ketibaan pelancong meningkat 2.5% kepada 4 juta pelawat pada suku kedua 2005. Peningkatan dalam ketibaan pelancong disebabkan terutamanya oleh pelancong dari Singapura, Thailand dan Indonesia yang menyumbang 78.6% daripada jumlah ketibaan pelancong. Pelancong dari Korea Selatan, India, Australia dan New Zealand juga meningkat disokong oleh pakej-pakej promosi yang menarik dan peningkatan hubungan penerbangan serta pintu masuk.

Ketibaan Pelancong Suku Tahunan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

Aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi

Dalam akaun kewangan, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing (FDI)**, berdasarkan asas tunai, meningkat kepada RM8.7 bilion pada suku kedua 2005 (S1 2005: RM5 bilion), mencerminkan aliran masuk pinjaman antara syarikat dan modal ekuiti yang lebih tinggi. Lebih satu pertiga daripada aliran masuk FDI disalurkan ke dalam sektor minyak dan gas, terutamanya dalam bentuk pinjaman yang diberi oleh syarikat asing kepada anak syarikatnya di Malaysia. Sementara itu, aliran masuk FDI ke dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya ke dalam subsektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan, serta restoran, hotel dan perdagangan borong dan runcit. Dalam sektor perkilangan, aliran masuk FDI diterima terutamanya oleh syarikat dalam subsektor keluaran petroleum, keluaran optik dan fotografi serta subsektor elektrik dan elektronik. Setelah mengambil kira pelarasan untuk aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat yang berkaitan di luar negeri yang lebih tinggi, FDI bersih mencatat aliran masuk sebanyak RM3 bilion.

Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar kasar sebanyak RM21 bilion

(S1 2005:-RM30 bilion) mencerminkan terutamanya pinjaman jangka pendek yang diberi oleh syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor minyak dan gas kepada syarikat berkaitan di luar negeri berikutan aktiviti operasi perbendaharaan pusat mereka. Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran masuk untuk pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku tersebut. Pelaburan luar negeri oleh syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas berterusan pada suku tersebut. Setelah mengambil kira aliran masuk terutamanya daripada pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negeri, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM2.6 bilion (S1 2005: -RM3.2 bilion).

Sementara itu, **pelaburan portfolio** mencatat aliran masuk yang lebih tinggi sebanyak RM4.5 bilion (S1 2005: RM2.8 bilion). Peningkatan pada suku tersebut mencerminkan terutamanya minat pelabur asing yang berterusan, khususnya dalam sekuriti hutang.

Hutang luar negeri menurun

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun lagi kepada RM196.2 bilion atau USD51.6 bilion pada akhir bulan Jun 2005 (S1 2005: RM198 bilion atau USD52.1 bilion), bersamaan dengan 44.2% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** yang lebih rendah, iaitu pada RM152.7 bilion (S1 2005: RM157.1 bilion), disebabkan oleh pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh sektor swasta dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Pembayaran balik bersih sektor swasta berjumlah RM2.7 bilion pada suku tersebut, dibayar terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor pertanian, utiliti dan perkilangan. PABK mencatat pembayaran balik bersih yang lebih kecil sebanyak RM0.9 bilion. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih yang kecil (RM0.3 bilion) pada suku tersebut, disebabkan terutamanya oleh

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2004	2005	
	S2	S1	S2[p]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	152.7	157.1	152.7
Sektor awam	97.3	92.9	91.4
Sektor swasta	55.4	64.2	61.3
Hutang jangka pendek[1]	42.6	40.9	43.5
Jumlah hutang luar negeri	195.3	198.0	196.2
- bersamaan USD bilion	51.4	52.1	51.6

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan pemastautin

[p] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

pengambilan pinjaman berjadual daripada pinjaman yang telah dipersetujui sebelum ini.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM43.5 bilion atau USD11.4 bilion (S1 2005: RM40.9 bilion), mencerminkan peningkatan peminjaman jangka pendek oleh sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank. Sebahagian besar daripada peningkatan pinjaman oleh sektor swasta bukan bank berpunca daripada kemudahan kredit pusingan. Pada akhir bulan Jun, hutang luar negeri jangka pendek kekal rendah, mencakupi hanya 22.2% daripada jumlah hutang luar negeri dan merupakan kira-kira 15.2% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa meningkat ketika berlaku perubahan kepada apungan terurus yang teratur

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM285.8 bilion (USD75.2 bilion) pada 30 Jun 2005. Rizab meningkat kepada RM298.7 bilion atau bersamaan dengan USD78.7 bilion pada 29 Julai 2005. Kira-kira dua pertiga daripada aliran masuk pada bulan Julai telah berlaku pada hari berikutnya selepas pengumuman perubahan dalam rejim kadar pertukaran kepada apungan terurus. Aliran ini menjadi normal pada hari-hari berikutnya dan proses penemuan harga adalah teratur. Urus niaga pada bulan Julai terutamanya adalah untuk perdagangan antarabangsa, FDI dan pelaburan portfolio. Ia juga mencerminkan urus niaga bagi pembayaran import barangan dan perkhidmatan, penghantaran balik dividen dan pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Rizab antarabangsa berjumlah RM305.2 bilion atau bersamaan dengan USD80.4 bilion pada 15 Ogos 2005. Dalam tempoh ini, terdapat satu pengambilan pinjaman luar negeri yang besar. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan merupakan 6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal lebih rendah

Walaupun perbelanjaan berkaitan petroleum lebih tinggi, pungutan hasil Kerajaan Persekutuan yang bertambah baik telah membendung defisit fiskal pada paras yang lebih rendah sebanyak RM2.7 bilion atau 2.3% daripada KDNK pada suku kedua 2005 (S2 2004: -4.5% daripada KDNK). Penerimaan hasil yang kukuh mencerminkan terutamanya pungutan hasil yang lebih tinggi daripada cukai pendapatan petroleum dan kebanyakan kategori cukai tidak langsung, terutamanya duti eksais disebabkan pertumbuhan jualan kereta yang kukuh. Jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar tahunan 8.7%, disebabkan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi berikutan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



kenaikan harga minyak yang menyebabkan pembayaran subsidi menjadi lebih tinggi. Pada 5 Mei 2005, Kerajaan menaikkan harga runcit keluaran petroleum untuk kali kedua pada tahun ini bagi membantu mengimbangi kesan akibat harga minyak yang tinggi. Dengan keadaan mudah tunai yang lega dalam sistem perbankan dalam negeri, keperluan pembiayaan Kerajaan diperoleh terutamanya daripada sumber dalam negeri. Pada akhir suku kedua 2005, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM222.6 bilion atau 47.3%

Kewangan Kerajaan Persekutuan p

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	21.8	39.6	21.1	26.6	47.7
% perubahan tahunan	*2.9*	*13.3*	*19.2*	*21.9*	*20.7*
Perbelanjaan mengurus	19.7	35.9	15.9	23.4	39.3
% perubahan tahunan	*-11.4*	*2.5*	*-1.5*	*18.7*	*9.6*
Akaun semasa	**2.1**	**3.7**	**5.2**	**3.2**	**8.4**
% daripada KDNK	***1.9***	***1.7***	***4.5***	***2.7***	***3.6***
Perbelanjaan pembangunan kasar	7.3	12.1	2.8	5.9	8.7
% perubahan tahunan	*-19.9*	*-28.3*	*-42.9*	*-18.3*	*-28.1*
Terimaan balik pinjaman	0.2	0.3	0.2	0.1	0.2
Imbangan keseluruhan	**-4.9**	**-8.1**	**2.6**	**-2.7**	**-0.1**
% daripada KDNK	***-4.5***	***-3.8***	***2.3***	***-2.3***	...
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	**27.0**	**48.0**	**18.7**	**29.3**	**48.0**
% perubahan tahunan	*-13.8*	*-7.5*	*-11.1*	*8.7*	*0.1*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	197.8	197.8	223.1	222.6	222.6
% daripada KDNK	*44.0*	*44.0*	*47.4*	*47.3*	*47.3*
Hutang dalam negeri	160.8	160.8	189.3	188.9	188.9
% daripada KDNK	*35.8*	*35.8*	*40.2*	*40.2*	*40.2*
Hutang luar negeri	37.0	37.0	33.8	33.7	33.7
% daripada KDNK	*8.2*	*8.2*	*7.2*	*7.2*	*7.2*

p Awalan

daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan terus kekal rendah, iaitu pada 17.2% daripada hutang luar negara atau 7.2% daripada KDNK.